

## BAB KEDUA

PENTADBIRAN, PENGURUSAN  
DAN STATISTIK ZAKAT PADI  
DI DAERAH PENDANG, KEDAH

## **BAB KEDUA**

### **PENTADBIRAN, PENGURUSAN DAN STATISTIK ZAKAT PADI DI DAERAH PENDANG, KEDAH**

#### **2.1 PENDAHULUAN**

Negeri Kedah adalah merupakan sebuah negeri yang mempunyai struktur pengurusan pentadbiran zakat yang dipisahkan secara terus daripada pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK). Ia mempunyai struktur organisasi yang tersendiri dan tidak diletakkan di bawah pentadbiran MAIK. Bagi negeri Kedah, pengurusan zakat adalah di bawah kendalian Jabatan Zakat Negeri. Pengurusan pentadbiran zakat adalah tertakluk di bawah Undang-undang Zakat 1955 (Undang-undang Nombor 4 Tahun 1955) dan Peraturan-peraturan Zakat 1982. Sebagai permulaan, penulis akan meninjau secara ringkas institusi pentadbiran dan juga undang-undang zakat yang dikuatkuasakan di Negeri Kedah.

#### **2.2 PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN ZAKAT DI NEGERI KEDAH**

##### **2.2.1 Latarbelakang Penubuhan Institusi Pentadbiran Zakat Di Negeri Kedah**

Pengurusan zakat di negeri ini telah lama diuruskan secara rasmi bermula pada tahun 1936M (1355H) dengan kewujudan peraturan mengenai zakat yang dikenali sebagai “Perhimpunan Zakat dan Sedekah Orang-orang Islam Kedah” yang bertanggungjawab terhadap kutipan dan pengurusan wang zakat.<sup>1</sup> Perhimpunan ini terletak di bawah kendalian Komiti Agung yang terdiri daripada; YTM Raja Muda sebagai Ketua Mesyuarat, Pegawai Melayu sebagai Naib Ketua

Mesyuarat, Bendahari Negeri, Ketua di dalam Majma' Syeikh al-Islam, Ketua Pegawai Syarikat, Setiausaha dan seorang yang dipilih oleh Komiti.<sup>2</sup>

Manakala di peringkat jajahan pula, di bawah kendalian Komiti Jajahan yang terdiri daripada; Pegawai Daerah sebagai Ketua Mesyuarat, Pegawai Pejabat Tanah sebagai Naib Ketua Mesyuarat, Kadhi, dua orang ahli lain dan seorang Setiausaha yang dilantik oleh Komiti Agung. Secara umumnya, perjalanan pengurusan zakat adalah terletak di bawah kuasa Komiti Agung yang bertindak mengawal Komiti Jajahan.<sup>3</sup> Komiti Jajahan berkuasa untuk menjaga harta-harta zakat yang dikutip dan menguruskannya menurut hukum Syarak serta berkuasa melantik amil-amil zakat.<sup>4</sup>

Jawatankuasa ini berterusan mentadbir zakat hingga ke tahun 1955M apabila terbentuknya Undang-undang Zakat Tahun 1955 yang menyusun kembali pengurusan pentadbiran zakat melalui pembentukan komiti zakat yang baru.<sup>5</sup> Ia terdiri daripada seorang Pengerusi, Setiausaha, Penyimpan Wang dan tidak kurang daripada lapan orang ahli lain yang berpengetahuan dalam hukum zakat. Komiti ini bertanggungjawab terhadap kutipan, penjagaan dan membelanjakan harta zakat menurut hukum Syarak.<sup>6</sup> Ia juga berkuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pentadbiran zakat negeri ini.<sup>7</sup>

Dalam tahun 1955 juga, Komiti Zakat ini telah digantikan dengan penubuhan Jawatankuasa Zakat yang akan dilantik oleh DYMM Sultan Kedah. Jawatankuasa ini terdiri daripada seorang Pengerusi, Setiausaha, Setiausaha Sulit

kepada DYMM Sultan dan tidak kurang daripada lapan orang ahli yang lain.<sup>8</sup> Jawatankuasa ini berterusan dan kekal hingga ke hari ini dan merupakan badan yang bertanggungjawab secara khusus dalam pentadbiran zakat negeri Kedah.

### **2.2.2 Undang-undang Zakat di Negeri Kedah**

Aspek pengurusan zakat di negeri Kedah adalah tertakluk di bawah peraturan-peraturan zakat yang sudah wujud semenjak dahulu lagi. Ia telah mula digubal pada tahun 1355H (1936M) yang dikenali sebagai “I‘lan al-Nasihat min Khusus al-Zakat” atau “Notis Memberi Nasihat Ketentuan Yang Bersangkut Dengan Perkara Zakat”. Notis ini bertarikh pada 19hb. Jamadil Akhir 1355 H.<sup>9</sup>

Notis ini mempunyai sebelas perkara yang memperkatakan mengenai kewajipan mengeluarkan zakat di dalam Islam berdasarkan kepada al-Qur'an dan al-Hadith;<sup>10</sup> cadangan pembentukan satu Rial Zakat yang terdiri daripada komiti-komiti yang dipersetujui oleh DYMM Sultan Kedah<sup>11</sup> dan juga mengenai proses pembahagian komiti untuk menguruskan kutipan zakat bagi negeri Kedah seluruhnya;<sup>12</sup> penerimaan semua jenis bentuk sedekah sama ada sedekah wajib iaitu zakat dan sedekah yang sunat iaitu yang selain daripada zakat dan kadar pemberian iaitu terpulang kepada pemilik harta itu untuk mengeluarkannya dan tidak akan dipaksa untuk membayarnya.<sup>13</sup>

Apa yang dapat diperhatikan, notis ini adalah merupakan permulaan kepada penguatkuasaan peraturan zakat yang hendak diperkenalkan di Negeri Kedah. Bersama-sama dengan notis ini, disertakan satu cadangan peraturan zakat

yang akan digubalkan dan dinamakan sebagai “Perhimpunan Zakat dan Sedekah Orang-orang Islam Kedah”.<sup>14</sup>

Peraturan ini keseluruhannya mengandungi 20 peruntukan. Ia memperuntukkan mengenai peringatan kepada seluruh penduduk Islam di negeri Kedah agar menunaikan kewajipan membayar zakat;<sup>15</sup> pembentukan Komiti Zakat bagi negeri Kedah meliputi keanggotaan, tugas-tugas dan juga mesyuarat Komiti Zakat;<sup>16</sup> harta yang boleh diberi sebagai zakat dan sedekah; proses kutipan zakat yang bermula daripada proses bancian hingga ke kutipan;<sup>17</sup> proses agihan kepada golongan-golongan yang berhak terhadap harta zakat; pembayaran, anggaran perbelanjaan, akaun kira-kira dan arahan mengiklankan kepada orang ramai akaun kira-kira perolehan dan perbelanjaan zakat.<sup>18</sup> Melalui persetujuan DYMM Sultan Kedah, peraturan zakat ini dipinda beberapa kali iaitu pada 25hb. Sya‘ban 1355H,<sup>19</sup> 9hb. Rabi‘u Awwal 1357H,<sup>20</sup> 21hb. Muharram 1360H<sup>21</sup> dan pada 2hb. Sya‘ban 1403H.<sup>22</sup> Pindaan yang dilakukan adalah merupakan tambahan dan juga beberapa perubahan kecil kepada peraturan zakat terdahulu.

Seterusnya pada tahun 1955M, digubal Undang-undang Zakat Tahun 1374H (1955M) untuk menubuhkan Komiti Zakat bagi mentadbir dan menjaga zakat. Ia mempunyai sembilan peruntukan yang memperuntukkan mengenai pembentukan Komiti Zakat (Sek. 2 hingga 5), tugas Komiti mengenai pengurusan zakat (Sek. 6 dan 7), perlantikan pegawai-pegawai zakat (Sek. 8) dan kuasa Komiti untuk mengadakan apa-apa peruntukan yang berkaitan dengan pengurusan dan penguatkuasaan zakat (Sek. 9).<sup>23</sup> Kemudian diperuntukkan mengenai

keahlian bagi Jawatankuasa Zakat yang dikenali sebagai Ahli Jawatankuasa Zakat serta syarat-syarat yang perlu dipenuhi untuk dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Zakat melalui pindaan pada tahun yang sama.<sup>24</sup>

Menurut kuasa yang diberikan oleh Perkara 9, Undang-undang Zakat dan Fitrah 1955M, Jawatankuasa Zakat dengan kebenaran DYMM Sultan Kedah menggubal Peraturan-peraturan Zakat 1962. Ia mengandungi 17 seksyen yang kebanyakannya hanya menyebutkan aspek kuasa dan tugas-tugas Jawatankuasa Zakat dan Amil.<sup>25</sup> Jawatankuasa Zakat secara langsung dibantu oleh Jawatankuasa Kerja, Jawatankuasa Kecil, Amil dan Merinyu Zakat.<sup>26</sup>

Namun begitu Peraturan Zakat 1962 ini telah dimansukhkan dengan penggubalan Peraturan-peraturan Zakat 1982 yang mula berkuatkuasa pada 25 Oktober 1982. Peraturan-peraturan ini mengandungi 18 seksyen yang memperuntukkan mengenai nama dan tarikh berkuatkuasa (Sek. 1), tafsiran (Sek. 2), orang yang berhak menerima zakat (Sek. 3), tugas-tugas Jawatankuasa Zakat dan tugas Ahli-ahli Jawatankuasa dan juga Jawatankuasa Kerja (Sek. 4 hingga 12), nisab dan kadar zakat padi (Sek. 13), tugas amil dan prosedur kutipan zakat padi (Sek. 14), kesalahan-kesalahan berkaitan zakat (Sek. 15 hingga 17) dan peruntukan mengenai pemansuhan Peraturan Zakat 1962 (Sek. 18).

Berdasarkan kepada undang-undang zakat yang telah sekian lama wujud di negeri Kedah ini, timbul satu persoalan iaitu sejauh manakah peraturan ini telah berjaya memainkan peranan penting dalam proses pembayaran zakat padi. Secara

rasionalnya, kewujudan undang-undang mengenai zakat ini akan memberikan implikasi yang besar terhadap proses pembayaran zakat dan seterusnya mempertingkatkan perolehan kutipan oleh pihak pentadbir zakat.

### **2.2.3 Struktur Organisasi Pentadbiran Zakat Di Negeri Kedah**

Jabatan Zakat Negeri Kedah adalah merupakan sebuah badan yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran pengurusan zakat bagi negeri Kedah. Dalam hal ini, badan ini telah membentuk satu sistem pentadbiran yang dikenali sebagai Jawatankuasa Zakat yang mempunyai struktur organisasi yang tersendiri dalam menguruskan hal ehwal zakat negeri Kedah.<sup>27</sup> Bagi daerah-daerah pula terdapat Pejabat-pejabat Zakat Daerah dan amil-amil akan dilantik untuk mengutip zakat bagi setiap kawasan yang telah ditetapkan oleh pihak pentadbir zakat.<sup>28</sup>

Secara ringkasnya, Jawatankuasa Zakat ini diketuai oleh Setiausaha (ZS2) yang bertindak sebagai Pegawai Pengawal, bertanggungjawab sepenuhnya ke atas Jabatan Zakat Negeri Kedah, memastikan keputusan Jawatankuasa Zakat dilaksanakan, dan bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah. Di bawahnya adalah Penolong Setiausaha (ZS3) yang berfungsi untuk mengawasi keseluruhan urusan pentadbiran organisasi Jabatan Zakat Negeri Kedah, mengurus perkara yang berkaitan dengan sewa bendang, tanah dan bangunan, urusan penyediaan surat perjanjian sewaan aset zakat, mengurus penempatan saudara baru, membantu Setiausaha menyediakan minit mesyuarat Jabatan Zakat Negeri Kedah, merangka, merancang program dan aktiviti

berhubung pembangunan organisasi zakat dan menjalankan tugas-tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa. Setiausaha dan Penolong Setiausaha akan mengawasi keseluruhan perjalanan pentadbiran urusan zakat ke atas semua kakitangan institusi ini. Pentadbiran Pejabat-pejabat Zakat Daerah kesemuanya juga adalah di bawah pengawasan Setiausaha dan Penolong Setiausaha.<sup>29</sup>

Bagi mengelakkan berlakunya bebanan dan pertindihan tugas antara seorang pegawai dengan pegawai yang lain bagi kebanyakan jawatan, penyusunan semula perjawatan dan bidang tugas telah diadakan.<sup>30</sup> Secara umumnya, penyusunan yang dilakukan ini telah membahagikan urusan pentadbiran Ibu Pejabat Zakat kepada tiga unit yang utama iaitu:

(a) Unit Pentadbiran Am, Kewangan dan Pembangunan.

Unit ini terdiri daripada Ketua Pembantu Tadbir (ZN7), Pembantu Tadbir Kewangan I, II dan III (ZN9), Pembantu Tadbir Setor (ZN11), Jurutaip (ZN11) dan Pembantu Am Rendah (ZN13, ZR10 dan ZR11).

(b) Unit Hasil / Perakaunan.

Unit ini terdiri daripada Penolong Akauntan (ZW6), Pembantu Tadbir (Ketua Hasil – ZN9; Terimaan – ZN9; Hasil 1 – ZN9 dan Hasil II – ZN9) dan Pembantu Tadbir Odit Dalam (ZN9).

(c) Unit Penyelenggaraan.

Unit ini terdiri daripada Juruteknik (ZJ7) dan Pembantu Juruteknik (ZJ9).

Apa yang dapat diperhatikan daripada penyusunan semula organisasi perkhidmatan ini ialah, bidang tugas setiap pegawai adalah lebih jelas dan struktur pentadbiran institusi ini adalah lebih kemas dan teratur.

Selain daripada itu pengemaskinian perkhidmatan institusi ini turut diadakan dengan mewujudkan struktur perkhidmatan yang mengandungi:


- (a) Kumpulan Perkhidmatan; dan
- (b) Skim Perkhidmatan / Gred.

Melalui pengemaskinian ini, semua kakitangan Jawatankuasa Zakat ini telah ditetapkan kumpulan perkhidmatan mereka sama ada dalam kumpulan pengurusan dan profesional atau dalam kumpulan sokongan. Begitu juga ditentukan klasifikasi perkhidmatan mereka sama ada perkhidmatan sosial, kewangan, pentadbiran dan sokongan atau kejuruteraan. Skim perkhidmatan setiap pegawai atau gred juga ditentukan bagi setiap pegawai. Begitu juga ditentukan bentuk jawatan itu sama ada jawatan itu berbentuk jawatan yang boleh membawa kepada kenaikan pangkat atau jawatan secara jumud.<sup>31</sup>

Apa yang dapat diperhatikan daripada penyusunan dan pengemaskinian yang dilakukan ini, ianya adalah bertujuan untuk memudahkan penetapan berhubung dengan gaji, cuti, kelayakan memasuki perkhidmatan, kelayakan kenaikan pangkat dan sebagainya lagi dengan lebih teratur dan seterusnya melicinkan perjalanan pentadbiran institusi ini.

Penyusunan semula struktur organisasi dan sistem perkhidmatan Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah, dapat dilihat dengan jelas sebagaimana di dalam rajah dan jadual yang berikut;

## RAJAH 2.2.1 : Carta Organisasi Jabatan Zakat Negeri Kedah



Sumber : Jabatan Zakat Negeri Kedah

**Jadual 2.2.1 : Struktur Perkhidmatan Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah**

Bil	Nama Jawatan	Kumpulan Perkhidmatan	Klasifikasi Perkhidmatan	Skim Perkhidmatan / Gred	Catatan
1	Setiausaha Zakat	Pengurusan dan Profesional Sokongan	Sosial	Setiausaha Zakat (ZS2)	-
2	Penolong Setiausaha Zakat			Penolong Setiausaha Zakat (ZS3)	-
3	Penolong Aktauntan	Sokongan	Kewangan	Penolong Aktauntan (ZW6)	-
4	Pegawai Zakat	Sokongan	Sosial	Pegawai Zakat (ZS6)	-
5	Penyelia Zakat Tingkatan Kanan	Sokongan	Sosial	Penyelia Zakat Tingkatan Kanan (ZST)	Jawatan Kenaikan Pangkat
6	Penyelia Zakat	Sokongan	Sosial	Penyelia Zakat (ZST)	Jawatan Kenaikan Pangkat
7	Pembantu Tadbir	Sokongan	Pentadbiran dan Sokongan	Pembantu Tadbir (ZN6)	-
8	Pembantu Tadbir	Sokongan	Pentadbiran dan Sokongan	Pembantu Tadbir (ZN9)	-
9	Pem. Tadbir Rendah (Kerani)	Sokongan	Pentadbiran dan Sokongan	Pembantu Tadbir Rendah (ZN11)	Jawatan Jumud
10	Pem. Tadbir Rendah (Jurutaip)	Sokongan	Pentadbiran dan Sokongan	Pembantu Tadbir Rendah (ZN11)	-
11	Juruteknik		Kejuruteraan	Juruteknik (ZT7)	-
12	Juruteknik Rendah		Kejuruteraan	Juruteknik Rendah (ZT9)	Jawatan Jumud
13	Pemandu Kenderaan	Sokongan	Mahir / Separuh Mahir	Pemandu (ZR10)	-
14	Pembantu Am Rendah	Sokongan	Pentadbiran dan Sokongan	Pembantu Am Rendah (ZN13)	-
15	Pekerja Am Rendah	Sokongan	Mainir / Separuh Mahir	Pekerja Rendah Awam (ZR11)	-

Sumber : Jabatan Zakat Negeri Kedah


## **2.2.4 Struktur Organisasi Pentadbiran Zakat Di Daerah Pendang**

Pejabat Zakat Daerah Pendang terletak di pusat bandar Pendang. Tiga orang kakitangan ditugaskan untuk mengendalikan urusan pentadbiran zakat iaitu Pegawai Zakat Daerah (ZS6), Penyelia Zakat (ZS7) dan Pembantu Tadbir Rendah (ZN11).<sup>32</sup> Secara ringkasnya, Pegawai Zakat Daerah akan bertanggungjawab terhadap soal pentadbiran urusan zakat di daerah ini dengan dibantu oleh Penyelia Zakat dan juga Pembantu Tadbir Rendah. Begitu juga beliau bertanggungjawab terhadap pengawasan tugas para amil yang dilantik untuk menjalankan urusan kutipan zakat.<sup>33</sup>

Bagi daerah Pendang, seramai 91 orang amil telah dilantik untuk mengendalikan urusan kutipan zakat meliputi 184 buah kampung. Seramai tujuh orang Penghulu dilantik sebagai Ketua Amil bagi mukim tersebut.<sup>34</sup> Amil dan Ketua Amil adalah dilantik dan diberikan tauliah oleh pihak pentadbir zakat. Jawatan sebagai amil itu akan dipegang hingga mereka meletakkan jawatan tersebut. Ini bermakna, selagi mereka mampu untuk melaksanakan tugas sebagai seorang amil, maka jawatan tersebut akan dipegang oleh mereka.

Pihak pentadbir zakat boleh pada bila-bila masa menarik balik kelayakan daripada mereka sekiranya didapati melanggar peraturan atau tidak menjalankan tugas sebagai seorang amil dengan sewajarnya. Ketua Amil yang dilantik adalah merupakan Penghulu Mukim dan perlantikannya akan tamat apabila tamatnya jawatan sebagai Penghulu.<sup>35</sup> Secara ringkasnya, struktur organisasi pentadbiran zakat daerah Pendang adalah sebagaimana dalam rajah berikut;

**Rajah 2.2.2 : Struktur Organisasi Pentadbiran Zakat Daerah Pendang**



Sumber : Pejabat Zakat Daerah Pendang, Kedah

Jelasnya, penubuhan institusi pentadbiran zakat ini menggambarkan bahawa, penubuhannya akan melancarkan urusan pentadbiran zakat di negeri Kedah. Namun persoalannya, sejauh manakah institusi pentadbiran zakat ini telah berjaya menjalankan fungsinya sebagai badan yang bertanggungjawab dalam urusan zakat di negeri ini.

### **2.2.5 Nisab Dan Kadar Zakat Padi Di Daerah Pendang**

Seandainya diteliti dengan mendalam perihal peraturan-peraturan yang dibentuk berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan zakat di negeri Kedah, penulis berpendapat bahawa tumpuan lebih diberikan kepada kutipan zakat padi berbanding dengan zakat harta yang lain. Ini terbukti dengan pernyataan jelas yang diperuntukkan dalam Seksyen 13, Peraturan-peraturan Zakat 1982 yang memperuntukkan mengenai nisab dan kadar zakat padi.<sup>36</sup>

#### **2.2.5.1 Nisab Zakat Padi Di Daerah Pendang**

Sebagaimana yang dinyatakan dalam perbahasan Bab Pertama di bawah tajuk kecil “Nisab Zakat Tanaman” sebelum ini, nisab zakat tanaman ialah lima *awsaq*.<sup>37</sup> Nisab ini adalah dipakai kepada hasil tanaman selepas ia dikeringkan dan dibersihkan. Bagi biji-bijian, ia hendaklah dibersihkan daripada hampa dan kulitnya. Dalam konteks perbahasan ini, tumpuan adalah kepada biji-bijian kerana padi adalah tergolong dalam kategori biji-bijian yang sukar untuk dipisahkan daripada kulitnya dan ia adalah disimpan dengan kulitnya yang dapat menjaganya dari kerosakan. Maka dalam hal ini nisabnya adalah 10 *awsaq*. Ia tidaklah perlu untuk dipisahkan daripada kulitnya kerana ia boleh merosakkan beras itu.<sup>38</sup>

Berdasarkan kepada Negeri Kedah, jumlah nisab zakat padi ini adalah dua kunca dua nalah enam gantang satu cupak dua kepol. Kiraan ini adalah bersamaan dengan 1,300.449 kilogram.<sup>39</sup> Oleh itu pendapatan atau hasil padi yang kurang daripada had ini adalah dikirakan tidak sampai nisab dan tidak wajib dikeluarkan zakat. Tetapi jika pendapatan atau hasil padi melebihi had tersebut, maka zakat wajiblah dikeluarkan mengikut kadar yang ditetapkan.<sup>40</sup> Perkiraan nisab zakat padi berdasarkan nilai hasil yang diperolehi setelah dijual ialah RM 1,167.97.<sup>41</sup> Ini dapat dilihat dengan jelas dalam jadual berikut;

**Jadual 2.2.2 : Nisab Zakat Padi**

Harga padi semasa	: 1 Kg. bersamaan dengan RM 0.65
Harga subsidi	: 1 Kg. bersamaan dengan RM 0.2481
Harga padi termasuk subsidi	: 1 Kg. bersamaan dengan RM 0.8981
Nisab zakat padi	: RM 0.8981 x 1,300.49 Kg. : RM 1167.97

**Sumber :** Harga padi daripada Beras Nasional (BERNAS) dan kaedah pengiraan berdasarkan kepada Pejabat Zakat Negeri Kedah

### **2.2.5.2 Kadar Zakat Padi Di Daerah Pendang**

Merujuk kepada Peraturan-peraturan Zakat Tahun 1982, diperuntukkan bahawa kadar yang wajib dibayar bagi perolehan kasar padi bagi satu musim yang mencapai nisab iaitu dua kunca dua nalah enam gantang satu cupak dua kepol. Kiraan ini adalah bersamaan dengan 1,300.449 kilogram, maka kadar zakatnya ialah sepuluh peratus.<sup>42</sup>

Namun begitu apa yang penulis dapati, peruntukan ini hanya memperuntukkan bahawa kadar zakat yang wajib dibayar sekiranya hasil padi mencapai nisab adalah sepuluh peratus sahaja. Tetapi jika dirujuk kepada perbahasan mengenai kadar zakat tanaman ini, kadar yang wajib dikeluarkan adalah tertakluk kepada soal pengairan yang kadarnya boleh berubah daripada 10 peratus kepada kadar 5 peratus atau 7.5 peratus.<sup>43</sup>

Penulis melihat huraian lanjut mengenai kadar zakat ini ada dijelaskan di dalam buku *Maṭāli' al-Nurayn*, karangan al-Hāj Zakaria bin al-Hāj Ahmad Wan Basyir. Beliau adalah merupakan Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darulaman. Di dalam buku itu dijelaskan bahawa kadar zakat padi adalah berdasarkan kepada kedudukan pengairannya. Jika tanaman itu bergantung kepada jirusan air hujan atau air yang dialirkan daripada sungai-sungai menerusi empangan atau parit-parit yang digali, maka zakat yang dikenakan kepadanya adalah sebanyak sepuluh peratus (10 peratus). Jika penanaman itu yang dihasilkan dengan pengairan yang diusahakan dengan menggunakan tenaga manusia, binatang atau sebagainya dengan perbelanjaan yang banyak, maka zakat yang wajib dikeluarkan ialah sebanyak lima peratus (5 peratus) sahaja.<sup>44</sup> Namun begitu, tidak dinyatakan penjelasan mengenai kadar pembayaran sebanyak tujuh per puluhan lima peratus (7.5 peratus). Penulis merasakan bahawa perkara ini juga perlu untuk dijelaskan kepada masyarakat.

Perkiraan kadar zakat yang perlu sekiranya dinilai kepada hasil yang diperolehi setelah dijual adalah sebagaimana dalam Jadual 2.2.3 berikut;

**Jadual 2.2.3 : Kadar Zakat Padi**

Nisab zakat padi	: RM 1,167.97
Kadar zakat padi	: 10 peratus
Jumlah zakat	: RM 1,167.97 x 10%
	: RM 116.79

Sumber : Pejabat Zakat Negeri Kedah

Berdasarkan kepada perkiraan ini, sekiranya seseorang petani itu mencapai hasil perolehan berjumlah RM 1,167.97, maka jumlah yang perlu dikeluarkan ialah sebanyak RM 116.79.

Sebelum daripada perkiraan berdasarkan kepada hasil ini, pihak Jabatan Zakat telah mengeluarkan panduan kadar pengeluaran sebagai panduan kepada para petani dalam mengeluarkan zakat padi. Panduan yang diberikan adalah sebagaimana berikut:<sup>45</sup>

**Jadual 2.2.4 : Panduan Kadar Zakat Padi Yang Wajib Dikeluarkan**

PENDAPATAN				KADAR ZAKAT			
Kuncha	Naleh	Gantang	Cupak	Kuncha	Naleh	Gantang	Cupak
2	2	6	1 1/2	0	2	3	2
3	3	7	-	0	3	4	2
4	4	8	-	0	4	6	3
5	5	9	-	0	5	8	3
6	6	10	-	0	6	9	-
7	7	11	-	0	7	11	-
8	8	12	-	0	8	12	-
9	9	13	-	0	9	14	-
10	10	14	-	1	0	0	-

Sumber : Pejabat Zakat Negeri Kedah

Berdasarkan kepada panduan ini, sekiranya seseorang petani itu memperolehi pendapatan hasil padi berjumlah 2 kuncha, 2 naleh, 6 gantang, 1 1/2 cupak, maka pendapatan tersebut adalah mencukupi nisab zakat padi iaitu 2 kuncha, 2 naleh, 6 gantang, 1 kepul. Maka wajib dikeluarkan zakat sejumlah 2 naleh, 3 gantang dan 2 cupak. Begitulah dikira seterusnya, jika pendapatan hasil padi tersebut melebihi daripada had tersebut.

Berdasarkan perkembangan semasa, bentuk perkiraan ini, tidak lagi digunakan dalam mengira zakat padi. Apa yang digunakan adalah berdasarkan kepada ukuran timbangan berat padi sebagaimana yang dijelaskan sebelum daripada ini. Namun begitu tidak dinafikan bahawa ada segelintir petani yang masih menggunakan pengiraan secara guni. Walaupun jumlah hasil yang dikira oleh petani berdasarkan kepada jumlah guni, ia kemudian akan ditimbang dan dicampur keseluruhan hasil timbangan setiap guni padi bagi mengira jumlah hasil jualan yang diperolehi oleh mereka.

### **2.3 STATISTIK KUTIPAN ZAKAT PADI DAERAH PENDANG**


Di bawah tajuk kecil ini, penulis akan meninjau statistik kutipan zakat padi bagi daerah Pendang dalam tempoh sembilan tahun iaitu bermula pada tahun 1991 hingga tahun 1999. Jumlah kutipan ini adalah mengikut jumlah perolehan kutipan rasmi yang dikeluarkan oleh Pejabat Zakat Daerah Pendang. Statistik kutipan zakat padi dalam tempoh sembilan tahun bagi daerah Pendang adalah sebagaimana berikut;

**Jadual 2.3.1 : Statistik Kutipan Zakat Padi Daerah Pendang, Kedah**

Tahun	Jumlah Kutipan (RM)	Pertambahan (RM)	Pengurangan (RM)	Peratus (%)
1991	82,704.89	-	-	-
1992	73,992.07	-	8,712.82	10.53
1993	83,150.77	9,158.70	-	12.38
1994	75,133.34	-	8,017.43	9.64
1995	95,449.70	20,316.36	-	27.04
1996	128,075.39	32,625.69	-	34.18
1997	104,694.80	-	23,380.59	18.26
1998	112,493.15	7,798.35	-	7.45
1999	112,342.67	-	150.48	0.13
<b>Jumlah</b>	<b>868,036.78</b>			

Sumber : Pejabat Zakat Daerah Pendang

**Rajah 2.3.1 : Graf Statistik Kutipan Zakat Padi Daerah Pendang, Kedah**



Berdasarkan kepada jadual dan rajah di atas, jelas menunjukkan bahawa perolehan kutipan zakat padi oleh Pejabat Zakat Daerah Pendang mengalami pertambahan dan juga pengurangan. Dalam tempoh sembilan tahun, jumlah kutipan terendah adalah pada tahun 1992 iaitu sebanyak RM 73,992.07. Manakala jumlah terbanyak ialah pada tahun 1996 dengan jumlah RM 128,075.39.

Dari aspek pertambahan jumlah kutipan pula, dilihat berlaku pada tahun 1993 sebanyak RM 9,158.70 atau 12.53 peratus, tahun 1995 (RM 20,316.36 atau 27 peratus), tahun 1996 (RM 32,625.69 atau 34.18 peratus) dan tahun 1998 (RM 7,798.35 atau 7.45 peratus). Pertambahan paling banyak berlaku pada tahun 1996 iaitu sebanyak RM 32,625.69 (34.18 peratus).

Pengurangan jumlah kutipan berlaku pada tahun 1992 sebanyak RM 8,712.43 atau 10.53 peratus, tahun 1994 (RM 8,017.43 atau 9.64 peratus), tahun 1997 (RM 23,380.59 atau 18.26 peratus dan tahun 1999 (RM150.48 atau 0.13 peratus). Kekurangan perolehan paling banyak dicatatkan pada tahun 1997 iaitu sebanyak RM 23,380.59 (18.26 peratus). Tahun 1996 mencatatkan pengurangan paling sedikit iaitu dengan jumlah RM 150.48 (0.13 peratus) sahaja.

Tidak dinafikan bahawa perolehan kutipan zakat padi ini adalah berkadar terus dengan perolehan hasil padi oleh para petani. Manakala perolehan hasil padi pula bergantung kepada keadaan yang boleh menyebabkan berlakunya kekurangan dalam perolehan hasil padi. Sebagai contohnya masalah banjir, serangan ulat, serangga perosak, burung dan tikus yang merosakkan tanaman

padi. Namun masalah ini biasanya dapat diatasi oleh para petani dengan bantuan Jabatan Pertanian dan racun-racun yang dibeli dari kedai-kedai racun. Kecuali masalah bencana banjir yang melanda pada tahun 1997 dengan ketara sekali hingga memberi kesan kepada aspek perolehan kutipan dengan nyata sekali iaitu kekurangan sebanyak RM 23,380.59 (18.26 peratus) menjadikan perolehan hanyalah RM 104,694.80 sahaja daripada RM 128,075.39 pada tahun 1996.

Penulis tidak berhasrat untuk memanjangkan perbahasan mengenai faktor-faktor yang secara langsung menjelaskan perolehan hasil padi oleh para petani ini. Apa yang penulis dapati secara umumnya, perolehan kutipan zakat adalah bertambah dan berlaku juga pengurangan oleh pihak pentadbir zakat daerah. Persoalan yang timbul berdasarkan kepada statistik kutipan ini ialah, apakah jumlah kutipan oleh pihak pentadbir zakat ini bertepatan atau bersesuaian dengan jumlah keluasan yang diusahakan oleh keseluruhan petani di daerah Pendang ini?

Penulis berpendapat bahawa, berlakunya bencana alam, bukanlah merupakan faktor utama yang boleh menjelaskan perolehan kutipan zakat. Apatah lagi, langkah-langkah yang telah diambil oleh para petani dan juga pihak-pihak yang berkaitan dengan bidang penanaman padi bagi mengatasi apa jua permasalahan yang timbul di dalam penanaman padi ini. Malah pihak-pihak berkaitan sentiasa berusaha untuk mencari jalan penyelesaian dan teknologi teknologi baru dalam usaha mempertingkatkan pengeluaran hasil tanaman padi seperti penemuan benih padi yang berupaya mempercepatkan tanaman padi mengeluarkan hasil. Begitu juga kaedah saliran yang sentiasa dibaiki untuk

mengelakkan berlakunya banjir yang boleh merosakkan tanaman padi dan seterusnya menjaskan pengeluaran hasil padi.<sup>46</sup>

Ini terbukti berdasarkan kepada perolehan kutipan zakat pada tahun 1999 yang mengalami kekurangan hanyalah sebanyak RM 150.48 (0.13 peratus) sahaja walaupun para petani menghadapi serangan tikus yang merosakkan tanaman padi. Kekurangan ini menjelaskan bahawa, faktor bencana alam tidaklah merupakan faktor yang ketara menyebabkan kekurangan perolehan kutipan zakat.

Berdasarkan kepada statistik itu juga, pihak pentadbir zakat berjaya mencapai perolehan kutipan tertinggi pada tahun 1996, iaitu sejumlah RM 128,075.69. Jumlah itu merupakan jumlah tertinggi dalam tempoh sembilan tahun. Tetapi ini tidak berlaku pada tahun-tahun sebelumnya atau selepasnya. Persoalannya, mengapakah pada tahun-tahun yang lain, angka perolehan kutipan tidak mencapai jumlah tersebut atau lebih baik daripada itu?

Jelas di sini, perolehan kutipan zakat yang tidak mencapai jumlah yang sepatutnya adalah berpunca daripada aspek-aspek yang lain selain daripada bencana alam. Persoalan inilah yang akan cuba dikupas oleh penulis dalam perbahasan yang selanjutnya untuk melihat apakah faktor-faktor lain yang merupakan punca pihak pentadbir zakat tidak berupaya mencapai jumlah perolehan yang sepatutnya daripada pembayaran zakat oleh para petani.

## **2.4 ANGGARAN PEROLEHAN KUTIPAN ZAKAT PADI DI DAERAH PENDANG**

Berdasarkan kepada tinjauan ke atas statistik perolehan kutipan zakat padi sebelum ini, satu persoalan yang ingin penulis utarakan ialah, apakah jumlah perolehan kutipan zakat padi itu selaras dengan jumlah hasil pengeluaran daripada jumlah keluasan sawah yang diusahakan oleh para petani Islam. Persoalan ini timbul kerana perolehan jumlah kutipan tersebut adalah berkadar terus dengan jumlah hasil padi yang diperolehi. Justeru, dalam perbincangan di bawah tajuk kecil ini, penulis cuba untuk menjelaskan keadaan ini berdasarkan kepada gambaran umum, penulis berpendapat bahawa perolehan zakat itu tidak bertepatan dengan jumlah perolehan hasil padi tersebut.

Untuk menjelaskan keadaan ini, penulis akan melakukan terlebih dahulu tinjauan secara ringkas mengenai penanaman padi di daerah Pendang dari aspek jumlah penanam padi dan juga keluasan sawah serta pendapatan hasil tanaman padi itu sendiri bagi memudahkan untuk melakukan anggaran.

### **2.4.1 Penanaman Padi Di Daerah Pendang**

Aktiviti pertanian adalah merupakan aktiviti utama bagi penduduk daerah ini. Tidak hairanlah daripada keseluruhan keluasan daerah Pendang, dari segi kegunaan tanah, kira-kira 52,162.12 hektar (82.89 peratus) merupakan gunatanah pertanian.<sup>47</sup> Daripada jumlah keluasan tanah untuk bidang pertanian itu, sejumlah 18,462 hektar adalah merupakan kawasan penanaman padi. Keluasan ini adalah

merupakan yang kedua terbesar selepas tanaman getah seluas 27,639 hektar dan selebihnya adalah aktiviti pertanian yang lain.<sup>48</sup>

Bagi daerah ini, dua agensi utama memainkan peranan secara langsung dalam penanam padi ini iaitu Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Muda Agricultural Development Assosiation) (MADA). Kedua-dua agensi ini mempunyai kawalan ke atas kawasan yang berasingan dalam kegiatan penanam padi di Negeri Kedah amnya dan daerah Pendang khususnya.<sup>49</sup> PPK MADA mengendalikan kawasan penanaman padi seluas 37,883.4 relung yang diusahakan oleh 8,782 orang petani. Manakala PPK LPP pula mengendalikan kawasan seluas 22,884.24 relung yang diusahakan oleh 4,240 orang petani.

Pertubuhan PPK LPP adalah di bawah Akta 109, Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Farmers' Organization Act 1973) dan Akta 110, Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973 (Farmers' Organization Authority Act 1973). Secara ringkasnya, perjalanan urusan PPK LPP ini adalah berdasarkan kepada kedua-dua akta di atas dan badan ini berfungsi untuk memberi perkhidmatan kepada para petani dalam usaha mempertingkatkan pengeluaran hasil pertanian oleh para petani. Badan ini juga bertanggungjawab untuk memperkembangkan aktiviti penanaman di samping berusaha mengkaji dan memperkenalkan teknologi-teknologi baru dan seterusnya mempertingkatkan perolehan hasil tanaman.<sup>50</sup>

Manakala MADA pula adalah ditubuhkan di bawah Akta 70, Akta Lembaga Kemajuan Pertanian MUDA, 1972 (MUDA Agricultural Development Authority Act, 1972). Badan ini juga berperanan sebagaimana fungsi yang dimainkan oleh LPP dalam membantu kegiatan penanaman padi.<sup>51</sup> Apa yang membezakan antara MADA dan LPP ialah, MADA berperanan terhad kepada kawasan penanaman padi yang telah digazetkan sebagai Kawasan Muda sahaja yang bermula dari negeri Perlis hingga ke negeri Kedah.<sup>52</sup>

Berdasarkan kepada penerangan ringkas di atas, keseluruhan kawasan penanaman padi di daerah Pendang adalah berada di bawah kendalian dua agensi yang berbeza. Kawasan di bawah kendalian PPK MADA biasanya dikenali sebagai Kawasan MADA. Manakala di bawah kendalian PPK LPP pula dikenali sebagai Kawasan Luar MADA.

#### **2.4.1.1 Jumlah Penanam Padi Di Daerah Pendang**

Walaupun kegiatan penanaman padi adalah kegiatan yang utama bagi para penduduk di daerah ini, adalah sesuatu yang sukar untuk menentukan keseluruhan jumlah penanam padi. Ini berlaku adalah kerana tidak ada rekod yang mencatatkan keseluruhan pesawah padi di daerah Pendang. Ia juga disebabkan berlakunya pertambahan dan pengurangan jumlah petani pada setiap tahun.<sup>53</sup>

Begitu juga sebagaimana dinyatakan di atas bahawa penanaman padi di daerah Pendang ini adalah berada di bawah kendalian dua agensi yang berbeza iaitu PPK LPP dan juga PPK MADA. Jelasnya, sebahagian daripada petani berada

di bawah pengendalian PPK LPP dan sebahagian lagi di bawah PPK MADA. Jumlah penanam padi secara rasmi hanya boleh diperolehi daripada rekod PPK LPP dan PPK MADA.

Jumlah petani yang direkodkan adalah berdasarkan mereka yang mendaftar dengan dua agensi terbabit. Pendaftaran mereka itu adalah untuk mendapatkan bantuan subsidi baja padi. Hanya melalui rekod ini, jumlah penanam padi yang boleh dikira. Namun begitu ada juga petani-petani yang tidak mendaftarkan diri mereka dengan PPK LPP atau PPK MADA dan mereka ini tidak mendapat bantuan subsidi baja padi daripada LPP dan MADA. Mereka ini mengusahakan sawah padi secara sendiri tanpa ada bantuan daripada pihak lain.<sup>54</sup> Berdasarkan kepada kenyataan ini, dapat dijelaskan bahawa keseluruhan petani di daerah Pendang boleh dibahagikan kepada 3 kategori iaitu;

1. Petani di bawah PPK LPP.
2. Petani di bawah PPK MADA.
3. Petani yang bukan di bawah PPK LPP dan MADA.

Sejajar dengan itu, penulis tidak dapat menentukan jumlah sebenar pesawah padi di daerah Pendang ini. Apa yang penulis perolehi hanyalah jumlah petani yang berdaftar dengan PPK LPP dan PPK MADA sahaja berdasarkan kepada daftar subsidi baja padi. Manakala pendaftaran keahlian PPK LPP dan PPK MADA tidak boleh dijadikan ukuran jumlah petani sebenar kerana pendaftaran sebagai keahlian kepada PPK LPP dan juga PPK MADA tidak semestinya mereka adalah petani. Ini adalah kerana ada di antara mereka yang

bukan petani tetapi mendaftar sebagai ahli PPK LPP dan PPK MADA.<sup>55</sup> Jelasnya di sini, walaupun jumlah petani boleh dihitung melalui rekod daripada PPK LPP dan PPK MADA, keseluruhan jumlah petani di daerah Pendang tidak dapat dihitungkan dengan angka yang tepat.<sup>56</sup>

Petani di bawah PPK LPP pula terletak di bawah dua PPK iaitu PPK LPP Kubur Panjang dan PPK LPP Pendang Selatan (Sawa). Begitu juga dengan petani di bawah PPK MADA. Bagi petani-petani daerah Pendang, tidak semuanya berada di bawah PPK MADA Pendang, tetapi keseluruhannya mereka berada di bawah pentadbiran kawasan MADA yang berasingan, iaitu PPK Kawasan DIII Titi Haji Idris, PPK Kawasan FIII Pendang, PPK Kawasan EIII Kobah dan PPK Kawasan EIV Bukit Besar.

Dalam usaha untuk mendapatkan jumlah petani bagi daerah Pendang, penulis terpaksa pergi ke semua pejabat pentadbiran PPK LPP dan PPK MADA. Bagi PPK LPP tidak menjadi masalah kerana keseluruhan petani di bawah kawalannya berada dalam daerah Pendang. Tetapi timbul masalah bagi PPK MADA. Hanya PPK Kawasan FIII Pendang sahaja yang keseluruhan petani adalah berada dalam daerah Pendang. Sebilangan petani daerah Pendang berada dalam PPK MADA bagi Kawasan DIII (Daerah Kota Setar, Pokok Sena dan Pendang), EIII (Daerah Pendang dan Yan) dan juga EIV (Daerah Pendang dan Yan). Daripada kesemua pejabat pentadbiran LPP PPK dan PPK MADA inilah dihitung jumlah petani yang berada dalam kawasan daerah Pendang di bawah kendalian PPK LPP dan PPK MADA. Manakala jumlah petani yang tidak berada

di bawah mana-mana agensi adalah tidak dapat dipastikan jumlahnya walaupun daripada Pejabat Daerah Pendang. Jumlah petani berdasarkan kepada kawasan-kawasan kendalian PPK LPP dan PPK MADA adalah sebagaimana berikut;<sup>37</sup>

**Jadual 2.4.1 : Jumlah Petani Bagi Daerah Pendang 1999**

KAWASAN	MELAYU	THAI	CINA	JUMLAH
PPK LPP Kubur Panjang	2,039	858	152	3,049
PPK LPP Pendang Selatan (Sawa)	939	27	225	1,191
PPK MADA Kawasan D III Titi Haji Idris	3,869	2	24	3,895
PPK MADA Kawasan FIII Pendang	1,973	2	21	1,996
PPK MADA Kawasan EIII Kobah	1,747	8	138	1,893
PPK MADA Kawasan EIV Bukit Besar	976	-	22	998
<b>JUMLAH</b>	<b>11,543</b>	<b>897</b>	<b>582</b>	<b>13,022</b>

**Sumber :** PPK LPP Kawasan Kubur Panjang dan Kawasan Pendang Selatan (Sawa).

: PPK MADA Kawasan DIII Titi Haji Idris, FIII Pendang, EIII Kobah dan Kawasan EIV Bukit Besar.

Berdasarkan kepada jumlah petani di atas didapati bahawa seramai 13,022 orang pengusaha sawah padi di daerah Pendang bagi tahun 1999. Daripada jumlah ini juga didapati bahawa masyarakat Melayu mewakili jumlah terbesar penanam padi di daerah Pendang iaitu seramai 11,543 orang. Ini diikuti dengan kaum Thai seramai 897 orang dan Cina seramai 582 orang. Manakala kaum India tiada jumlah dicatatkan. Dari segi peratusan keseluruhan penanam padi, masyarakat Melayu mewakili 88.6 peratus, Thai 6.9 peratus dan Cina 4.5 peratus.

Masalah seterusnya mengenai ketepatan data di atas ialah terdapat segelintir pemohon yang hanya mendaftar untuk memohon subsidi baja padi bagi sawah mereka, sedangkan yang mengusahakan sawah mereka adalah orang lain. Apa yang tercatat hanyalah nama mereka, tetapi yang mengusahakan adalah orang

lain.<sup>58</sup> Dalam hal ini, fokus utama ialah kepada bangsa Melayu. Segelintir masyarakat Melayu yang menyewa sawah mereka kepada bangsa asing seperti bangsa Cina dan Thai. Nama yang didaftarkan untuk memohon subsidi baja padi adalah nama pemohon Melayu, sedangkan pengusahanya adalah bangsa asing. Dalam hal ini, jumlah sebenar petani Melayu yang mengusahakan sawah padi tidak dapat dipastikan.

Perkara ini berlaku kerana petani-petani tersebut ingin mendapatkan wang dengan cepat tanpa perlu bersusah payah menunggu masa yang lebih lama. Jalan yang paling mudah adalah menyewakan kepada bangsa asing. Seandainya jika diteliti, keuntungan daripada sewaan bendang kepada bangsa asing itu adalah lebih sedikit jika dibandingkan dengan hasil keuntungan yang diperolehi jika sawah itu diusahakan oleh mereka sendiri. Walaupun perkara ini sememangnya disedari oleh golongan petani, namun kesempitan wang menjadikan mereka terpaksa berbuat demikian.<sup>59</sup>

Kes penyewaan sawah padi masyarakat Melayu kepada bangsa asing ini semakin ketara. Namun jumlah sebenar tuan-tuan punya sawah yang menyewa tanahnya tidak dapat dipastikan secara terperinci. Pihak PPK LPP dan PPK MADA sendiri tidak dapat memastikan jumlah sebenar petani Melayu yang terlibat dengan kes-kes ini. Apa yang boleh dilakukan oleh pihak PPK LPP dan PPK MADA hanyalah berusaha untuk menebus kembali tanah tersebut dan diberikan kembali kepada tuan punya untuk mengusahakannya sendiri. Namun ini akan mengambil masa yang panjang.<sup>60</sup>

Apa yang penulis perhatikan, tidak ada peruntukan di dalam undang-undang yang boleh menghalang perkara ini daripada berlaku secara berleluasa. Ini kerana berdasarkan kepada Akta 528, Akta Penanam-penaman Padi (Kawalan Penyewaan dan Jaminan Hakmilik), 1967 (Padi Cultivators (Control Of Rent And Security Of Tenure) Act 1967), tidak diperuntukkan berkenaan dengan halangan untuk tanah sawah disewakan kepada orang lain atau jelasnya bangsa asing. Apa yang diperuntukkan hanyalah penyewaan yang dilakukan itu mestilah melalui prosedur-prosedur yang mewajibkan diadakan perjanjian sewaan secara bertulis sahaja dan hendaklah didaftarkan oleh tuan tanah perihal tersebut.<sup>61</sup> Akta itu memperuntukkan juga sekiranya penyewaan yang dilakukan itu tidak mengikut prosedur yang telah ditetapkan, maka tuan tanah itu boleh dihukum dengan hukuman denda sehingga RM 1,000.00 atau penjara sehingga enam bulan lamanya atau kedua-duanya sekali.<sup>62</sup>

Berdasarkan kepada ini, penulis berpendapat bahawa gejala penyewaan tanah kepada bangsa asing ini perlu diberi perhatian yang serius terutamanya kepada para petani Islam. Pihak LPP dan MADA juga perlu mengambil langkah dengan memberi amaran kepada para petani yang menyewakan sawah mereka kepada bangsa asing dengan tidak akan memberi sebarang bantuan terutamanya bantuan subsidi baja padi atau lain-lain tindakan yang boleh menghalang mereka daripada berbuat sedemikian.

Atas alasan inilah, sukar untuk menentukan jumlah sebenar keseluruhan masyarakat Melayu yang beragama Islam yang mengusahakan sawah padi mereka

sendiri. Dalam hal ini, penulis berpendapat, pihak kerajaan perlu memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk menghapuskan kejadian penyewaan tanah kepada bangsa asing dan juga menguatkuaskan apa-apa peruntukan yang perlu demi untuk menjaga kemaslahatan masyarakat Islam.

#### **2.4.1.2 Keluasan Sawah Padi Di Daerah Pendang**

Keseluruhan jumlah keluasan kawasan tanaman padi di daerah Pendang iaitu 18,462 hektar adalah meliputi keseluruhan keluasan yang diusahakan oleh semua petani di daerah Pendang. Iaitu meliputi semua bangsa. Dalam usaha untuk menentukan jumlah keluasan tanaman mengikut nisbah bangsa, penulis telah pergi ke semua kawasan pengendalian oleh agensi PPK LPP dan PPK MADA. Ini adalah kerana tidak ada data yang menentukan jumlah sebenar pembahagian keluasan mengikut nisbah yang diusahakan oleh petani mengikut kategori bangsa.

Dalam hal ini, keluasan sawah yang diperolehi untuk dikira mengikut nisbah bangsa adalah dengan berpandukan kepada jumlah keluasan untuk permohonan baja padi yang didaftarkan di PPK LPP dan PPK MADA. Pecahan keluasan sawah padi yang diusahakan adalah sebagaimana berikut;

**Jadual 2.4.2 : Keluasan Sawah Padi Diusahakan Mengikut Nisbah Bangsa**

KAWASAN	MELAYU (relung)	THAI (relung)	CINA (relung)	JUMLAH (relung)
PPK LPP Sawa	4,781.16	973.99	146.09	5,901.24
PPK LPP Kubur Panjang	13,502.3	2,643.5	837.2	16,983
PPK MADA Kaw. DIII, Titi Haji Idris	11,143.9	116.0	4.7	11,264.6
PPK MADA Kaw. FIII, Pendang	9,085.3	19.9	174.8	9,280.0

PPK MADA Kaw. EIII, Kobah	8,743.6	20.1	813.5	9,577.2
PPK MADA Kawasan EIV, Bukit Besar	7,608.1	-	153.5	7,761.6
<b>JUMLAH</b>	<b>54,864.36</b>	<b>3,773.49</b>	<b>2,129.79</b>	<b>60,767.64</b>

**Sumber :** PPK LPP Kawasan Kubur Panjang dan Kawasan Pendang Selatan (Sawa).

: PPK MADA Kawasan DIII Titi Haji Idris, FIII Pendang, EIII Kobah dan Kawasan EIV Bukit Besar.

Berdasarkan kepada jumlah keluasan di atas, dapat dilihat bahawa masyarakat Melayu adalah merupakan pengusaha sawah padi yang terbesar jumlahnya jika dibandingkan dengan bangsa lain dengan keluasan 54,864.36 relung (90.3 peratus) daripada jumlah keseluruhan kawasan tanaman iaitu 60,767.64 relung. Ini diikuti oleh masyarakat Thai dengan jumlah seluas 3,773.49 relung (6.2 peratus) dan ketiga masyarakat Cina dengan 2,129.79 relung (3.5 peratus).

Seandainya dilihat kepada peratusan keluasan tanaman yang diusahakan oleh para petani, jelas menunjukkan bahawa peratusan keluasan yang terbesar adalah diusahakan oleh masyarakat Melayu iaitu 90.3 peratus. Namun sebagaimana yang telah dinyatakan dalam perbahasan “Jumlah Penanam Padi Di Daerah Pendang”, ternyata apa yang tercatat hanyalah di atas kertas. Hakikat yang berlaku adalah sebaliknya.

Berdasarkan kepada keluasan jumlah kawasan penanaman padi ini juga, dapat dilihat berlakunya perbezaan daripada jumlahnya yang sebenar. Jumlah keluasan sebagaimana berdasarkan kepada Pejabat Daerah adalah berjumlah 18,462 hektar yang digunakan untuk tanaman padi. Manakala berdasarkan kepada

jumlah yang diperolehi daripada PPK LPP dan PPK MADA adalah berjumlah lebih kurang 60,767.64 relung atau 16,879.9 hektar. Perbezaan berlaku sejumlah 1,582.1 hektar. Perbezaan ini berlaku kerana beberapa faktor seperti berikut:<sup>63</sup>

- (a) Ada petani yang mengusahakan sawahnya secara sendiri tanpa memohon bantuan baja daripada PPK LPP dan juga PPK MADA. Oleh itu jumlah yang diperolehi daripada kedua-dua agensi tersebut adalah berbeza dengan jumlah yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah Pendang.
- (b) Ada petani yang tidak mengusahakan sawahnya pada musim tersebut dan dia tidak mendaftarkan diri untuk memohon bantuan subsidi baja padi. Maka jumlah kluasan yang tidak diusahakan itu tidak diketahui dengan sebenarnya.
- (c) Ada sesetengah tuan punya sawah yang tidak mengusahakan sawah padinya dengan tanaman padi. Sebaliknya ia digunakan untuk mengusahakan tanaman-tanaman yang lain seperti menanam sayur-sayuran dan sebagainya.

Atas faktor-faktor inilah dapat dilihat berlakunya perbezaan dari segi pengiraan sebenar sawah padi yang diusahakan oleh para petani. Jelasnya, bagi daerah Pendang, berdasarkan kepada jumlah rasmi yang diperolehi daripada agensi PPK LPP dan PPK MADA hanyalah berjumlah 16,879.9 hektar sahaja yang diusahakan untuk tanaman padi.

#### **2.4.1.3 Pendapatan Hasil Tanaman Padi**

Pengeluaran hasil padi bagi daerah Pendang adalah berbeza berdasarkan kepada kawasan kendalian. Bagi tahun 1999, kawasan di bawah kendalian PPK MADA, purata pengeluaran bagi setiap relung yang diusahakan ialah 18 guni padi. Bagi sehektar (3.5 relung) sawah yang diusahakan, purata pengeluarannya ialah 5 tan padi.<sup>64</sup> Manakala bagi kawasan kendalian PPK LPP, purata pengeluaran hasil padi ialah sebanyak 14 guni. Bagi sehektar sawah pula, purata pengeluarannya ialah sebanyak 3 tan padi.<sup>65</sup> Satu tan padi berharga RM 700.00. Ini bermakna, bagi sehektar sawah padi di bawah PPK MADA berjumlah RM 3,500.00 dan PPK LPP berjumlah RM 2,100.00. Secara ringkasnya, perolehan hasil akan dapat dilihat sebagaimana dalam jadual berikut:

**Jadual 2.4.3 : Anggaran Perolehan Hasil Padi Bagi Daerah Pendang**

Kawasan	Keluasan (Hektar / Relung)	Jumlah Hasil Sehektar (3.5 Relung)	Jumlah Hasil Keseluruhan	Jumlah Hasil Jualan
PPK MADA	10,823.83 (37,883.40)	5 tan	54,119.15 tan	RM 37,883,405.00
PPK LPP	6,538.35 (22,884.24)	3 tan	19,615.05 tan	RM 13,730,535.00
Jumlah	17,362.18 (60,767.65)	5 tan (MADA) 3 tan (LPP)	73734.2 tan	RM 51,613,940.00

Sumber : Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Kedah dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda Negeri Kedah

Merujuk kepada Jadual di atas, di dapatkan bahawa, kadar pengeluaran bagi kawasan di bawah PPK LPP adalah berkurangan 2 tan bagi setiap satu hektar berbanding dengan kawasan di bawah PPK MADA. Perbezaan ini berlaku kerana kawasan kendalian PPK MADA adalah dijalankan projek secara perladangan yang mana kemudahan pengairan disediakan dengan bantuan talair. Ini berbeza dengan kawasan kendalian PPK LPP yang mana tanaman diusahakan secara berkelompok (separa perladangan) dan aspek pengairan banyak bergantung kepada air hujan. Perbezaan dari segi pengairan sememangnya mempengaruhi hasil pengeluaran padi. Namun begitu ada kawasan-kawasan di bawah kendalian PPK LPP yang sawahnya berhampiran dengan sungai boleh mencapai hasil pengeluaran sebanyak 18 guni atau lebih kerana boleh mendapat air daripada sungai yang berhampiran bagi mengairi sawah padi mereka.<sup>66</sup>

Jadual ini juga dengan jelas menunjukkan bahawa, keseluruhan kawasan di bawah PPK MADA yang berjumlah 10,823.83 hektar (37,883.40 relung) mampu mengeluarkan hasil padi berjumlah 54,119.15 tan yang bersamaan dengan hasil jualan sejumlah RM 37,883,405.00. Manakala kawasan di bawah PPK LPP seluas 6,538.35 hektar (22,884.44 relung) menghasilkan perolehan berjumlah 19,615.05 tan atau bersamaan dengan RM 13,370,535.00. Keseluruhan kawasan mampu mengeluarkan hasil sejumlah 73,734.2 tan yang bersamaan hasil jualannya sejumlah RM 51,613,940.00. Perolehan ini adalah bagi keseluruhan daerah Pendang. Manakala jumlah perolehan daripada kawasan petani Islam adalah sebagaimana dalam jadual berikut;

**Jadual 2.4.4 : Anggaran Hasil Padi Oleh Petani Islam Di Daerah Pendang**

Kawasan	Keluasan (Hektar / Relung)	Jumlah Hasil Sehektar (3.5 Relung)	Jumlah Hasil Keseluruhan	Jumlah Hasil Jualan
PPK MADA	10,451.68 (36,580.90)	5 tan	52,258.40 tan	RM 36,580,880.00
PPK LPP	5,223.84 (18,283.46)	3 tan	15,671.52 tan	RM 10,970,064.00
Jumlah	15,675.52 (54,864.36)	5 tan (MADA) 3 tan (LPP)	67,929.92 tan	RM 47,550,944.00

Berdasarkan kepada jadual di atas, didapati bahawa perolehan hasil daripada keseluruhan kawasan yang diusahakan oleh petani Islam adalah sejumlah 52,258.40 tan padi atau RM 36,580,880.00 bagi kawasan PPK MADA dan sejumlah 15,671.52 tan padi atau RM 10,970,064.00 bagi kawasan PPK LPP. Keseluruhan kawasan menghasilkan perolehan sejumlah 67,929.92 tan padi dengan jumlah hasil jualan RM 47,550,944.00.

Jika dilihat di sini, perolehan daripada keseluruhan hasil padi di daerah Pendang adalah sejumlah 73,734.2 tan padi (RM 51,613,940.00) dan 67,929.92 tan (RM 47,550,944.00) daripadanya adalah daripada keluasan yang diusahakan oleh petani Islam. Ini bermakna 92.13 peratus hasil adalah milik petani Islam. Hanya 7.87 peratus sahaja hasil diperolehi oleh petani bukan Islam di daerah Pendang.

#### **2.4.2 Anggaran Perolehan Zakat Padi Di Daerah Pendang**

Sebagaimana yang telah ditimbulkan oleh penulis di permulaan perbincangan berkaitan dengan anggaran ini iaitu berdasarkan kepada gambaran umum oleh penulis bahawa perolehan kutipan zakat oleh pihak pentadbir zakat adalah berbeza dengan jumlah yang sepatutnya diperolehi. Ini adalah kerana jumlah kutipan zakat padi adalah berkadar terus dengan jumlah hasil padi yang diperolehi.

Merujuk kepada jumlah perolehan kutipan zakat oleh pihak pentadbir zakat melalui statistik kutipan zakat sebelum ini, jumlah yang berjaya dipungut bagi tahun 1999 hanyalah berjumlah RM 112,342.67 sahaja. Sedangkan berdasarkan kepada anggaran hasil padi daripada keseluruhan sawah yang diusahakan oleh petani Islam mampu untuk menghasilkan perolehan berjumlah 67,929.92 tan padi bersamaan dengan RM 47,550,944.00. Secara tidak langsung, jika dihitung perolehan hasil kutipan zakat padi daripada jumlah ini adalah sebanyak RM 4,755,094.4.

Secara tidak langsung, persoalan ini dengan sendirinya adalah terjawab bahawa jumlah kutipan yang diperolehi oleh pihak pentadbir zakat adalah berbeza dengan jumlah yang sepatutnya diperolehi. Untuk lebih memudahkan perbincangan, penulis membuat anggaran ini sebagaimana di dalam Jadual 2.4.4 berikut;

**Jadual 2.4.4 : Anggaran Perolehan Hasil Kutipan Zakat Padi Daerah Pendang**

Kawasan	Keluasan Hektar (Relung)	Jumlah Hasil	Jumlah Zakat Dipungut	Perbezaan Perolehan	Peratusan Perolehan
PPK MADA	10,451.68 (35,580.90)	52,258.40 (RM 36,580,880.00)	5,225.84 RM 3,658,088.00	RM 112,342.67	RM 4,642,751.73 2.42
PPK LPP	5,223.84 (18,283.46)	15,671.52 (RM 10,970,064.00)	1,567.152 RM 1,097,006.4		
JUMLAH	15,675.52 (53864.36)	67,929.92 RM 47,550,944.00	6,792.992 RM 4,755,094.4	RM 112,342.67	RM 4,642,751.73 2.42

Berdasarkan kepada jadual ini, jelas menunjukkan bahawa perolehan kutipan zakat yang sepatutnya diperolehi berdasarkan kepada perolehan hasil daripada keseluruhan kawasan tanaman padi oleh petani Islam ialah RM 4,755,094.40. Namun perolehan zakat padi yang berjaya dikutip hanyalah berjumlah RM 112,342.67 atau 2.42 peratus sahaja daripada keseluruhan kutipan zakat yang sepatutnya diperolehi. Kekurangan kutipan berjumlah RM 4,642,751.73. Perbezaan jumlah kutipan ini begitu ketara sekali iaitu 97.58 peratus.

Berdasarkan kepada jadual ini juga menunjukkan bahawa perolehan kutipan zakat oleh pihak pentadbir zakat belum mencapai jumlah yang sebenar sebagaimana menurut jumlah keseluruhan kawasan penanaman padi. Persoalannya, mengapakah berlakunya keadaan sedemikian? Apakah punca atau masalah yang menyebabkan perkara ini berlaku?

Perlu ditegaskan di sini, anggaran perolehan di atas adalah berdasarkan kepada perolehan keseluruhan kawasan padi yang diusahakan oleh petani Islam di daerah Pendang. Penulis merasakan bahawa, elok juga seandainya dilakukan anggaran perolehan kutipan zakat dengan anggapan bahawa setiap petani hanya memperolehi hasil yang sekadar mencukupi nisab zakat padi sahaja. Ini bertujuan untuk melihat bagaimakah anggaran perolehan sekiranya setiap petani itu mendapat hasil yang sekadar mencukupi nisab sahaja untuk mengeluarkan zakat iaitu 1,300.49 kilogram atau RM 1,167.97.

Rasionalnya anggaran ini dilakukan adalah kerana jumlah sebenar keluasan yang diusahakan oleh setiap orang petani adalah tidak ada data mengenainya. Berdasarkan kepada pemerhatian ke atas pendaftaran permohonan subsidi baja padi di PPK MADA dan PPK LPP, secara umumnya para petani mengusahakan sawah padi yang keluasannya dapat mengeluarkan hasil yang melebihi daripada minima nisab zakat padi. Walaupun ada sejumlah kecil pengusaha yang mengerjakan sawah padi dengan keluasan tidak mencapai serelung, namun anggaran ini tidak akan memberikan kesan kepada mereka. Ini kerana unjuran ini adalah berdasarkan kepada had minima perolehan yang mencapai nisab zakat padi. Sedangkan pada hakikatnya keseluruhan pesawah mengusahakan sawah mereka melebihi daripada serelung dan ada sesetengah pesawah yang keluasan sawah mencapai dua puluh relung atau lebih.

Dalam usaha untuk membuat anggaran ini, penulis menggunakan data-data sebagaimana berikut;

1. Harga padi semasa termasuk subsidi bagi 1 kg ialah RM 0.8981 (Harga padi sekilogram ialah RM 0.65; Harga subsidi bagi 1 kg ialah RM 0.2481).<sup>67</sup>
2. Purata berat seguni padi bersamaan dengan 95 kg.<sup>68</sup>
3. Nisab zakat padi iaitu 2 kunca 2 nalih 6 gantang 1 cupak 2 kepul adalah bersamaan dengan 1,300.49 kg. iaitu RM 1,167.97 (RM 0.8981 x 1,300.49 kg = RM 1,167.97)<sup>69</sup>
4. Kadar zakat iaitu 10 peratus iaitu RM 116.79 (RM 1,167.97 x 10% = RM 116.79).<sup>70</sup>
5. Kawasan kendalian MADA

- i. Jumlah kluasan - 36,580.9 relung.
- ii. Jumlah petani - 8,565 orang.
- iii. Jumlah purata pengeluaran hasil serelung sawah - 18 guni.

#### 6. Kawasan kendalian LPP

- i. Jumlah kluasan - 18,283.46 relung.
- ii. Jumlah petani - 2,978 orang.
- iii. Jumlah pengeluaran hasil - 14 guni bagi serelung diusahakan.

#### 7. Anggaran perolehan;

##### Kawasan PPK MADA

$$\begin{aligned}\text{Hasil zakat} &= \text{Jumlah minima nisab} \times 10\% \times \text{jumlah petani} \\ &= \text{RM } 1,167.49 \times 10\% \times 8,565 \text{ orang} \\ &= \text{RM } 999,955.185\end{aligned}$$

##### Kawasan PPK LPP

$$\begin{aligned}\text{Hasil zakat} &= \text{Jumlah minima nisab} \times 10\% \times \text{jumlah petani} \\ &= \text{RM } 1,167.49 \times 10\% \times 2,978 \text{ orang} \\ &= \text{RM } 347,678.522\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Jumlah keseluruhan} &= \text{RM } 999,955.185 + \text{RM } 347,678.522 \\ &= \underline{\text{RM } 1,347,633.707}\end{aligned}$$

Berdasarkan anggaran ini, dapat dilihat bahawa, paling minima perolehan zakat yang boleh diperolehi adalah sejumlah RM 1,347,633.707. Perlu ditegaskan bahawa jumlah perolehan ini adalah berdasarkan kepada jumlah perolehan petani yang sekadar mencapai nisabnya sahaja. Secara keseluruhannya daripada anggaran yang telah dilakukan ini, dapat diperhatikan bahawa seandainya kesemua zakat padi yang diwajibkan itu dikeluarkan, maka ia akan mencapai jumlah yang telah dianggarkan. Paling tidak, jumlah perolehan akan mencapai

jumlah yang paling minima sebagaimana anggaran berdasarkan kepada minima perolehan oleh setiap petani.

Begitu juga penulis ingin menegaskan di sini, anggaran yang dilakukan ini adalah berdasarkan kepada semusim tanaman itu diusahakan. Perlu difahami bahawa di daerah Pendang, penanaman padi dijalankan secara dua musim dalam tempoh setahun. Oleh itu, sudah pastilah jumlah kutipan akan berganda kerana zakat tanaman adalah tidak ada *hawl* baginya dan wajib dibayar apabila dituai. Secara tidak langsung zakat itu dikutip dua kali dalam tempoh setahun.

## 2.5 KESIMPULAN

Melalui perbincangan yang telah dikemukakan di dalam bab ini, dapat dilihat dengan jelas bahawa bagi negeri Kedah umumnya dan daerah Pendang khususnya, pengurusan pentadbiran zakat adalah telah diuruskan secara rasmi sejak sekian lama dahulu. Begitu juga undang-undang zakat telah ada selaras dengan penubuhan institusi pentadbiran zakat. Namun apa yang berlaku ialah, jumlah kutipan zakat padi bagi daerah Pendang belum mencapai jumlah yang sepatutnya diperolehi kerana perolehan oleh pihak pentadbir menunjukkan jurang perbezaan yang besar daripada jumlah kutipan yang sepatutnya diperolehi. Di manakah silap dan di manakah salahnya? Apakah punca berlakunya sedemikian?

## NOTA HUJUNG

<sup>1</sup> Jabatan Zakat Negeri Kedah Darulaman (1992), **Sejarah Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman**, Alor Setar, Kedah : Jabatan Zakat Negeri Kedah Darulaman, hlm. 18.

<sup>2</sup> **Ibid.**, hlm. 18 - 19.

<sup>3</sup> Perhimpunan Zakat dan Sedekah Orang-orang Islam Kedah : Perkara 12.

<sup>4</sup> **Ibid.** : Perkara 13.

<sup>5</sup> Undang-undang Zakat, Kedah 1955 : Seksyen 3 (1).

<sup>6</sup> **Ibid.** : Seksyen 6.

<sup>7</sup> **Ibid.** : Seksyen 9.

<sup>8</sup> Pindaan Kepada Undang-undang Nombor 4 (Undang-undang Zakat 1955) : Seksyen 3.

<sup>9</sup> *I'lān al-Nasihat min Khusus al-Zakāt* (Notis Memberi Nasihat Ketentuan Yang Bersangkut Dengan Perkara Zakat) 1355 H

<sup>10</sup> **Ibid.** : Perkara 1 hingga 2.

<sup>11</sup> **Ibid.** : Perkara 3 hingga 6.

<sup>12</sup> **Ibid.** : Perkara 7 hingga 8.

<sup>13</sup> **Ibid.** : Perkara 9.

<sup>14</sup> Perhimpunan Zakat dan Sedekah Orang-orang Islam Kedah. **Op. Cit.**

<sup>15</sup> **Ibid.** : Seksyen 1.

<sup>16</sup> **Ibid.** : Seksyen 3 hingga 7 dan Seksyen 12 hingga 15.

<sup>17</sup> **Ibid.** : Seksyen 9 hingga 11.

<sup>18</sup> **Ibid.** : Seksyen 16 hingga 20.

<sup>19</sup> Pindaan Peraturan Zakat (1355 H).

<sup>20</sup> Pindaan Peraturan Zakat (1357 H).

---

<sup>21</sup> Pindaan Peraturan Zakat (1360 H).

<sup>22</sup> Pindaan Peraturan Zakat (1403 H).

<sup>23</sup> Undang-undang Zakat 1955 M (Undang-undang No. 4).

<sup>24</sup> Pindaan kepada Undang-undang No. 4, Tahun 1955 M (1374 H).

<sup>25</sup> Peraturan-peraturan Zakat Kedah 1962 : Seksyen 4 hingga 11.

<sup>26</sup> **Ibid.** : Seksyen 12(c,d), 16.

<sup>27</sup> Temubual dengan Tuan Haji Abdul Hamid bin Saad, Pegawai Zakat Daerah Kota Setar, pada 14 hb. Mac 2000, jam 10.30 pagi, bertempat di Pejabat Zakat Negeri Kedah, Alor Setar, Kedah.

<sup>28</sup> **Ibid.**

<sup>29</sup> **Ibid.**

<sup>30</sup> **Ibid.**

<sup>31</sup> **Ibid.**

<sup>32</sup> Temubual dengan Ustaz Awang bin Kamis, Penolong Pegawai Zakat Daerah Pendang, di Pejabat Zakat Daerah Pendang, Kedah, pada 3 Nov. 1999, jam 3.00 petang.

<sup>33</sup> **Ibid.**

<sup>34</sup> **Ibid.**

<sup>35</sup> **Ibid.**

<sup>36</sup> Peraturan-peraturan Zakat Tahun 1982 : Seksyen 13.

<sup>37</sup> al-Ramī (1967M / 1387H), *Nihāyat al-Muhtāj ilā Syarḥ al-Minhāj*, Juz. 3, hlm. 72.

<sup>38</sup> Dr. Wahbah al-Zuhayli (1989 M / 1409 H), *al-Fiqh al-Islamī wa Adillatuh*, Juz. 3, hlm. 403-404.

<sup>39</sup> Peraturan-peraturan Zakat Tahun 1982 : Seksyen 13.

<sup>40</sup> al-Haj Zakaria bin al-Haj Ahmad Wan Basir (Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darulaman) (1998), *Maṭāli‘ al-Nūrāyñ*, Alor Setar, Kedah : Pustaka Dar al-Salam, Juz. 2, hlm. 21.

---

<sup>41</sup> Jumlah Nisab ini adalah sebagaimana yang dikeluarkan oleh Pejabat Zakat Negeri Kedah.

<sup>42</sup> Peraturan-peraturan Zakat Tahun 1982 : Seksyen 13.

<sup>43</sup> Lihat Bab Kedua di bawah tajuk kecil “Kadar Zakat Tanaman”, hlm. 20 - 25.

<sup>44</sup> al-Hāj Zakaria bin al-Hāj Ahmad Wan Basyir , **Op. Cit.**, hlm. 12.

<sup>45</sup> **Ibid.**, hlm. 21.

<sup>46</sup> Temubual dengan Encik Azhar bin Ahmad, Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Silaturrahim, Kawasan D-III, Titi Haji Idris (PPK MADA), pada 11 Julai 1999. Juga berdasarkan temubual dengan Encik Sobri bin Haji Ahmad, Pengurus Niagatani, PPK LPP Pendang Selatan (Sawa) pada 8 Julai 1999.

<sup>47</sup> Lihat bahagian Pendahuluan di bawah tajuk kecil “Profail Lokasi Sasaran Penyelidikan”, hlm. xvii.

<sup>48</sup> **Ibid.**

<sup>49</sup> Temubual dengan Encik Azhar bin Ahmad dan Encik Sobri bin Haji Ahmad, **Op. Cit.**

<sup>50</sup> Akta 109, Akta Pertubuhan Peladang, 1973 (Farmers' Organization Act 1973) : Seksyen 6. Rujuk juga Akta 110, Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973, (Farmers' Organization Authority Act 1973) : Seksyen 4.

<sup>51</sup> Akta 70, Akta Lembaga Kemajuan Pertanian MUDA 1972) (MUDA Agricultural Development Authority Act 1972) : Seksyen 4.

<sup>52</sup> **Ibid.** : Seksyen 9.

<sup>53</sup> Temubual dengan Encik Ismail bin Said, Timbalan Pegawai Daerah Pendang pada 6 Julai 1999 di Pejabat Daerah Pendang.

<sup>54</sup> Temubual dengan Encik Azhar bin Ahmad dan Encik Sobri bin Haji Ahmad, **Op. Cit.**

<sup>55</sup> **Ibid.**

<sup>56</sup> **Ibid.**

<sup>57</sup> Berdasarkan kepada Bancian Subsidi Baja Padi Tahun 1999 PPK LPP dan PPK MADA.

<sup>58</sup> **Ibid.**

---

<sup>59</sup> **Ibid.**

<sup>60</sup> **Ibid.**

<sup>61</sup> Akta 528, Akta Penanam-penaman Padi (Kawalan Penyewaan dan Jaminan Hakmilik) 1967, (Padi Cultivators (Control Of Rent And Security Of Tenure) Act 1967) : Seksyen 3 dan 4.

<sup>62</sup> **Ibid.** : Seksyen 33.

<sup>63</sup> Temubual dengan Encik Azhar bin Ahmad dan Encik Sobri bin Haji Ahmad, **Op. Cit.** Juga berdasarkan temubual dengan Pembantu Pentadbir Tanah Daerah Pendang, Encik Saiful bin Anuar Azmi, pada 13 Julai 1999.

<sup>64</sup> Temubual dengan Puan Nazura bt. Ibrahim, Pegawai Pertanian, Bahagian Agronomi Padi, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) pada 20 Januari 2000, jam 10.25 pagi di Pejabat MADA Negeri Kedah, Ampang Jajar, Alor Setar, Kedah. Juga berdasarkan temubual dengan Encik Azhar bin Ahmad, op. cit.

<sup>65</sup> Temubual dengan Puan Faizah bt. Mahyudin, Pegawai Pembangunan, Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Kedah pada 19 Januari 2000, jam 2.15 petang di Pejabat Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Kedah, Alor Setar, Kedah. Juga berdasarkan temubual dengan Encik Sobri bin Haji Ahmad, op. cit.

<sup>66</sup> Temubual dengan Encik Azhar bin Ahmad dan Encik Sobri bin Haji Ahmad, **Op. Cit.**

<sup>67</sup> Harga padi ini adalah sebagaimana yang dikeluarkan oleh BERNAS dan juga ia adalah yang digunakan oleh Jabatan Zakat Negeri Kedah sebagai harga semasa sekilogram padi.

<sup>68</sup> Purata berat ini adalah berdasarkan kepada pengiraan seguni hasil padi daripada BERNAS yang merupakan pembeli hasil padi yang berlesen. Namun pengiraan guni tidak lagi diamalkan dengan adanya amalan pembelian padi secara sistem pukal iaitu padi yang dituai terus dimasukkan ke dalam lori dan terus dibawa ke kilang untuk dijual dan hanya ditimbang secara bersama dengan lori tersebut.

<sup>69</sup> Sumber : Jabatan Zakat Negeri Kedah. Ia berdasarkan kepada Peraturan-peraturan Zakat Tahun 1982 : Seksyen 13.

<sup>70</sup> **Ibid.**